

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN

MESYUARAT KETIGA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATIN MASTURA BINTI MOHD YAZID
[KUALA KANGSAR]**

TARIKH : 17 OKTOBER 2016 (ISNIN)

SOALAN :

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan perancangan sebanyak 30% “*women on board*” atau wanita yang membuat keputusan di sektor awam sudah melepasi perancangannya. Apakah pencapaian “*Women on Board*” di peringkat swasta.

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT

Tuan Yang Dipertua,

Pengumuman Dasar Sekurang-sekurangnya 30 Peratus Wanita di Peringkat Pembuat Keputusan Dalam Sektor Korporat menjelang akhir tahun 2016 yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 27 Jun 2011 adalah untuk meningkatkan bilangan wanita di peringkat pembuat keputusan dalam sektor korporat, seterusnya membolehkan mereka meningkatkan sumbangan dalam bidang ekonomi.

Bagi tujuan ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menggunakan *placement* wanita sebagai ahli lembaga pengarah (ALP) syarikat sebagai indikator bagi mengukur pencapaian serta pelaksanaan dasar tersebut.

Statistik daripada Bursa Malaysia melaporkan sehingga Julai 2016, terdapat 757 orang wanita atau 11.5 peratus daripada keseluruhan 6,565 orang ahli lembaga pengarah syarikat di Bursa Malaysia.

Sementara itu, data daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) sehingga Jun 2016, terdapat 3,730 orang wanita atau 15.6 peratus daripada keseluruhan 23,920 orang ahli lembaga pengarah syarikat awam (syarikat tersenarai awam dan bukan tersenarai awam). Bagi tempoh yang sama, bagi syarikat persendirian pula, terdapat 29.5 peratus atau 423,817 *placement* wanita sebagai ahli lembaga pengarah syarikat.

Bagaimanapun, negara-negara luar seperti United Kingdom, Amerika Syarikat, Australia, Hong Kong dan Norway turut menggunakan indikator yang sama iaitu bilangan wanita di dalam lembaga pengarah syarikat-syarikat tersenarai awam bagi mengukur pencapaian "*women on board*" dengan izin.

Di samping itu, bagi meningkatkan *buy-in* daripada sektor korporat serta *placement* wanita sebagai ALP syarikat tersenarai awam di Bursa

Malaysia, dua (2) sesi *engagement* bersama *business leaders* telah diadakan pada April dan Jun 2016 dengan kerjasama *30% Club*. Promosi melalui *media buy* serta pengiktirafan kepada syarikat tersenarai awam di Bursa Malaysia yang mencapai 30 peratus atau lebih "*women on board*", dengan izin juga telah diadakan pada 25 Ogos 2016.